



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (kiri) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Leong Hup International Berhad, Tan Sri Lau Tuang Nguang (kanan) melawat kilang pembekal telur Teo Seng Capital Berhad dekat Yeong Peng hari ini.

## KPDNHEP terima 1,569 aduan, 8,643 pertanyaan berkaitan barangan sejak PKP dikuat kuasa

**BATU PAHAT, 18 April** -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 1,569 aduan dan 8,643 pertanyaan berkaitan bekalan dan harga barangan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dikuatkuasakan mulai 18 Mac lepas.

Sambil memberi jaminan bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan, Menteriya Datuk Alexander Nanta Linggi berkata 1,569 aduan yang diterima itu tidak mencapai tahap membimbangkan dan masih dapat dikawal oleh kementeriannya.

Beliau berkata kesemua aduan dan pertanyaan itu diterima melalui empat saluran utama yang disediakan iaitu aplikasi WhatsApp dengan 5,325 aduan dan pertanyaan, e-aduan (2,012), talian hotline KPDNHEP (2,122) dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (753).

"Antara aduan dan pertanyaan semasa PKP ini adalah yang berkaitan dengan penutup hidung dan mulut, cecair pembasmi kuman, beras, sayur, telur, bawang, makanan, produk makanan dan barangan asas,"

katanya kepada pemberita selepas meninjau kilang memproses telur Teo Seng Capital Berhad, di Yong Peng, di sini, hari ini.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Kumpulan Leong Hup International Berhad Tan Sri Lau Tuang Nguang dan Pengarah Urusan Teo Seng Capital Berhad Nam Hiok Joo.

Menurut Nanta, susulan aduan yang diterima itu, pihaknya akan mengambil tindakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kementerian selain mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan terhadap bekalan dan harga barangan di seluruh negara.

“Berdasarkan permintaan yang meningkat kini, pihak KPDNHEP akan memastikan tidak akan ada kenaikan ‘tidak munasabah’ bagi harga barangan keperluan harian.

“Jika ada naik pun, ia tidak banyak ... sebagai contohnya, harga telur akan meningkat hanya sekitar dua atau tiga sen sahaja sebiji tetapi tidak akan melebihi harga siling,” katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1833432>

[https://bernama.com/en/general/news\\_covid-19.php?id=1833444](https://bernama.com/en/general/news_covid-19.php?id=1833444) (Edisi English)

